

PROFIL PELAJAR YANG LEMAH DALAM PENCAPAIAN AKADEMIK: SATU KAJIAN AWAL

Tang Swee Mei (smtang@uum.edu.my)

Md. Lazim Mohd Zin

Fakulti Pembangunan Sosial dan Manusia

Universiti Utara Malaysia

Lim Kong Teong

Fakulti Pengurusan Teknologi

Universiti Utara Malaysia

Syahrina Abdullah

Fakulti Pengurusan Perniagaan

Universiti Utara Malaysia

Abstrak : Tahap pencapaian akademik pelajar di kalangan pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi menimbulkan kebimbangan pelbagai pihak. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah dijalankan bagi mengenalpasti profil para pelajar lemah dalam pencapaian akademik di sebuah universiti tempatan di Malaysia. Antara ciri-ciri pelajar yang dikaji ialah jantina pelajar, kelayakan masuk, pencapaian akademik setiap semester dan program pengajian yang ditawarkan semasa kemasukan ke institusi tersebut. Data sekunder digunakan dalam kajian ini yang melibatkan seramai 128 orang pelajar. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar berkelulusan Matrikulasi dan STPM merupakan pelajar yang menyumbang peratusan tertinggi dalam pencapaian akademik yang lemah. Kemerosotan pencapaian akademik dikenalpasti seawal semester pertama pengajian pelajar dan tahap kemerosotan prestasi akademik ini didominasi oleh pelajar lelaki. Kemerosotan akademik pelajar perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat bagi memastikan jalan penyelesaian kepada masalah ini dapat dikenalpasti dan seterusnya dapat dilaksanakan dengan jayanya.

PENGENALAN

Kecemerlangan akademik pelajar merupakan isu yang semakin hangat diperkatakan, dan sering kali perbincangan tentang kecemerlangan akademik sukar dipisahkan daripada perbincangan tentang pencapaian pelajar (Robiah Sidin, 1998). Senario yang dapat dilihat pada masa kini memaparkan kemerosotan pencapaian akademik di kalangan pelajar terutamanya pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi (Mohamad Khan & Abdul Aziz, 2000). Sejajar dengan matlamat dan usaha institusi pengajian tinggi yang ingin meningkatkan kualiti pelajar dari pelbagai aspek bagi menjamin daya bersaing graduan yang dihasilkannya, maka kajian awal adalah perlu bagi meninjau profil pelajar-pelajar yang lemah terutamanya dari segi pencapaian akademiknya supaya mendapat sedikit sebanyak gambaran yang lebih terperinci dalam hal ini sebelum kajian mengenal pasti punca masalah yang mempengaruhi kemerosotan akademik pelajar dilaksanakan. Adalah diharapkan keputusan kajian ini dapat memberi senario dan gambaran yang lebih jelas tentang latar belakang pelajar yang mengalami masalah kemerosotan pencapaian akademik secara umumnya.

METODOLOGI

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengenal pasti profil pelajar yang lemah dari segi pencapaian akademik di kalangan pelajar di sebuah universiti tempatan. Pelajar yang lemah merupakan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik di bawah paras cemerlang. Seramai 128 orang pelajar program pengajian A di sebuah institusi pengajian tinggi awam terlibat dalam kajian ini. Kesemua pelajar yang terpilih dalam kajian ini merupakan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang lemah dengan Purata Matagred Keseluruhan (PMK) yang kurang daripada 2.30 mata. Data yang digunakan untuk tujuan kajian ini merupakan data sekunder yang diperolehi daripada Jabatan Hal Ehwal Akademik Pelajar institusi tersebut. Antara data-data yang dikumpulkan termasuklah kelayakan kemasukan, jantina pelajar, program pengajian yang ditawarkan semasa kemasukan ke institusi tersebut, pencapaian akademik setiap semester, kursus-kursus yang diikuti serta gred-gred kursus yang diperolehi, dan lain-lain lagi.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan seramai 128 orang responden pelajar yang kesemuanya merupakan pelajar yang mempunyai PMK kurang daripada 2.30 mata. Berdasarkan Jadual 1, didapati daripada 128 orang responden kajian, 60 orang responden (46.9%) merupakan pelajar lelaki dan 68 orang pelajar perempuan (53.1%). Terdapat 101 orang responden kajian (78.9%) merupakan pelajar asal program pengajian A, manakala selebihnya iaitu 21.1% adalah pelajar asal daripada program pengajian yang lain dan telah menukar program pengajian mereka kepada program pengajian A. Jadual 1 juga menunjukkan bahawa di kalangan pelajar yang lemah pencapaian akademik kebanyakannya merupakan pelajar yang berkelulusan STPM dan Matrikulasi, berbanding dengan hanya terdapat 3 orang pelajar responden yang berkelayakan kemasukan diploma. Ini mungkin disebabkan kerana bilangan pelajar diploma adalah agak terhad dalam pengambilan kemasukan ke program pengajian tersebut.

Jadual 1: Maklumat jantina, program pengajian asal, dan kelayakan masuk responden

| | Bilangan | Peratus (%) |
|-------------------------------|----------|-------------|
| Jantina | | |
| Lelaki | 60 | 46.9 |
| Perempuan | 68 | 53.1 |
| Program Kemasukan Asal | | |
| Program A | 101 | 78.9 |
| Lain-lain program | 27 | 21.1 |
| Kelayakan Masuk | | |
| Matrikulasi | 53 | 41.4 |
| STPM | 72 | 56.3 |
| Diploma | 3 | 2.3 |

Berdasarkan Jadual 2 didapati taburan responden pelajar lelaki dan perempuan dari segi program pengajian asal dan kelayakan masuk tidak menunjukkan perbezaan yang ketara.

Walau bagaimanapun, kesemua (3 orang) responden berkelulusan Diploma yang lemah dari segi pencapaian akademik merupakan pelajar lelaki.

Jadual 2: Program pengajian asal dan kelayakan masuk responden mengikut jantina

| | Lelaki | Perempuan |
|------------------------|------------|------------|
| Program pengajian asal | | |
| Program A | 49 (81.7%) | 52 (76.5%) |
| Lain-lain program | 11 (18.3%) | 16 (23.5%) |
| Kelayakan Masuk | | |
| Matrikulasi | 25 (41.7%) | 28 (41.2%) |
| STPM | 32 (53.3%) | 40 (58.8%) |
| Diploma | 3 (5.0%) | 0 (0.0%) |

* Semua peratusan adalah mengikut kolumn

Sementara Jadual 3 pula menunjukkan program pengajian asal mengikut kelayakan masuk ke institusi pengajian tinggi tersebut. Didapati hampir kesemua responden yang berkelulusan Matrikulasi merupakan pelajar yang sememangnya ditawarkan program pengajian A. Sebaliknya bagi responden yang berkelulusan STPM pula hanya 63.9% daripada mereka adalah pelajar asal program pengajian A. Dengan lain perkataan, kebanyakan pelajar yang menukar program pengajian ke program pengajian A adalah pelajar berkelulusan STPM.

Jadual 3: Program pengajian asal mengikut kelayakan masuk

| | Matrikulasi | STPM | Diploma |
|------------------------|-------------|------------|----------|
| Program pengajian asal | | | |
| Program A | 52 (98.1%) | 46 (63.9%) | 3 (100%) |
| Lain-lain program | 1(1.9%) | 26 (36.1%) | 0 (0%) |

* Semua peratusan adalah mengikut kolumn

Daripada Jadual 4, didapati secara keseluruhannya pencapaian akademik pelajar lemah ini adalah di tahap yang agak membimbangkan dan semakin merosot walaupun pada semester kedua kelihatan terdapat sedikit peningkatan, tetapi mereka tidak dapat bertahan lama sehingga masuk ke semester ketiga dan seterusnya kemerosotan pencapaian akademik semakin meruncing. Walau bagaimanapun, pada semester kelima, terdapat sedikit peningkatan, tetapi masih berada dalam keadaan yang kritis, iaitu lulus bersyarat.

Jadual 4: Pencapaian akademik setiap semester secara keseluruhan

| | Min PMK |
|------------------|---------|
| Semester pertama | 2.0228 |
| Semester kedua | 2.0734 |
| Semester ketiga | 1.9776 |
| Semester keempat | 1.8400 |
| Semester kelima | 1.9920 |

Jadual 5 pula menunjukkan pencapaian responden kajian mengikut jantina bagi setiap semester. Didapati prestasi akademik responden perempuan lebih memberangsangkan

walaupun tidak begitu stabil, tetapi masih dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka pada semester kelima dengan peningkatan yang agak ketara. Sementara responden lelaki menunjukkan trend pencapaian akademik yang semakin merosot dari permulaan sehingga ke semester yang kelima.

Jadual 5: Pencapaian akademik setiap semester mengikut jantina

| | Min PMK | |
|------------------|---------|-----------|
| | Lelaki | Perempuan |
| Semester pertama | 2.0388 | 2.0087 |
| Semester kedua | 2.0344 | 2.1144 |
| Semester ketiga | 1.9173 | 2.0410 |
| Semester keempat | 1.8135 | 1.9525 |
| Semester kelima | 1.8944 | 2.3825 |

Jika dilihat dari segi kelayakan masuk responden kajian ke peringkat pengajian tinggi, didapati responden kajian yang mempunyai kelulusan STPM berjaya meningkatkan pencapaian akademik mereka pada semester yang kelima berbanding dengan responden kajian yang berkelulusan Matrikulasi ataupun Diploma. Di antara ketiga-tiga kumpulan kelayakan kemasukan ini, didapati responden kajian yang berkelulusan Diploma menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik berbanding dengan kelulusan kelayakan yang lain, tetapi kumpulan Diploma ini pula merupakan kumpulan yang menunjukkan kemerosotan akademik yang lebih ketara dan berterusan (sila rujuk Jadual 6).

Jadual 6: Pencapaian akademik setiap semester mengikut kelayakan masuk

| | Min PMK | | |
|------------------|-------------|--------|---------|
| | Matrikulasi | STPM | Diploma |
| Semester pertama | 2.0423 | 2.0004 | 2.2167 |
| Semester kedua | 2.0671 | 2.0706 | 2.1967 |
| Semester ketiga | 1.9984 | 1.9509 | 1.9500 |
| Semester keempat | 1.7900 | 1.9457 | 1.7700 |
| Semester kelima | 1.9608 | 2.1229 | 1.4500 |

Jadual 7 merupakan perbandingan pencapaian akademik antara pelajar yang asalnya program pengajian A dengan pelajar yang asal dari lain-lain program. Berdasarkan Jadual 7, didapati responden pelajar yang asal dari lain-lain program telah menunjukkan masalah dalam pencapaian akademik mereka pada peringkat awal, seterusnya masih menunjukkan kemerosotan akademik setelah menukar program pengajian ke program pengajian A. Namun kumpulan ini kelihatan dapat meningkatkan semula pencapaian akademik mereka setelah tiga semester berada dalam program pengajian baru yang mereka ikuti dengan peningkatan akademik yang agak ketara. Hal ini agak berbeza bagi kumpulan responden yang sememangnya merupakan pelajar program A yang menunjukkan trend pencapaian akademik yang semakin merosot dan kelihatan kurang berupaya untuk meningkatkan prestasi mereka pada semester kelima.

Jadual 7: Pencapaian akademik setiap semester mengikut program pengajian asal

| | Min PMK | |
|------------------|-----------|-------------------|
| | Program A | Lain-lain program |
| Semester pertama | 2.0538 | 1.9260 |
| Semester dua | 2.0675 | 1.9833 |
| Semester tiga | 2.0180 | 1.7311 |
| Semester empat | 1.8561 | 1.7850 |
| Semester lima | 1.9400 | 2.2300 |

Dengan membuat perbandingan pencapaian akademik antara responden lelaki dan perempuan melalui analisis ujian-t, didapati kedua-dua kumpulan hanya menunjukkan perbezaan yang signifikan pada semester yang kelima pada paras keertian 0.05. Dengan lain perkataan, trend pencapaian akademik antara responden lelaki dan responden perempuan adalah hampir serupa sebelum semester kelima, dan responden perempuan telah menampakkan peningkatan yang agak ketara berbanding dengan responden lelaki selepas semester kelima.

Jadual 8 : Hasil ujian-t berkenaan pencapaian akademik antara responden lelaki dan perempuan.

| | Min PMK | | Nilai t | p |
|------------------|---------------|------------------|---------|-------|
| | Lelaki (N=60) | Perempuan (N=68) | | |
| Semester pertama | 2.0388 | 2.0087 | 0.488 | 0.625 |
| Semester dua | 2.0344 | 2.1144 | -0.970 | 0.335 |
| Semester tiga | 1.9173 | 2.0410 | -1.163 | 0.249 |
| Semester empat | 1.8135 | 1.9525 | -0.655 | 0.520 |
| Semester lima | 1.8944 | 2.3825 | -2.454 | 0.025 |

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Hasil kajian memperlihatkan masalah kelemahan pencapaian akademik di kalangan responden kajian tidak didominasi oleh mana-mana kumpulan jantina responden pelajar. Bilangan taburan responden pelajar lelaki dan perempuan yang menghadapi masalah pencapaian akademik yang kurang memuaskan hampir seimbang. Walau bagaimanapun, jika dibandingkan dengan jumlah angka pengambilan kemasukan pelajar program pengajian A mengikut jantina yang mempunyai nisbah pelajar lelaki kepada pelajar perempuan yang hampir 1:3 maka adalah nyata bahawa bilangan responden lelaki yang lemah dalam pencapaian akademik adalah lebih ketara berbanding dengan pelajar perempuan. Ditambah pula trend pencapaian responden pelajar lelaki yang semakin merosot dari semester ke semester sehingga ke semester yang kelima adalah amat membimbangkan berbanding dengan responden pelajar perempuan. Responden pelajar perempuan yang memperlihatkan usaha dan kemampuan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka pada penghujung semester agak memberangsangkan. Ini bermakna sesungguhnya tumpuan khusus harus diberikan kepada kumpulan pelajar lelaki oleh para pendidik dalam usaha untuk membantu mengurangkan kes pelajar yang tidak dapat menamatkan pengajian dengan berjaya di akhir tempoh pengajian mereka. Tambahan pula, pelajar lelaki yang merupakan golongan minoriti di peringkat pengajian tinggi sememangnya menghadapi masalah pencapaian akademik yang agak ketara berbanding dengan pelajar perempuan.

Selain daripada itu, kajian juga mendapati kebanyakan responden pelajar yang bermasalah merupakan pelajar yang asalnya di bawah program pengajian A berbanding dengan pelajar dari lain-lain program yang menukar program pengajian mereka ke program A pada semester ketiga. Apa yang lebih membimbangkan adalah pelajar asal dari program pengajian A kurang berkemampuan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka berbanding dengan pelajar yang asalnya dari program penajaran yang lain. Fenomena ini mungkin disebabkan oleh keselesaan pelajar yang sememangnya berada di bawah program asal yang dirasakan mudah, sementara bagi pelajar yang terpaksa menukar program akibat tidak mampu untuk meneruskan pengajian mereka dalam program asal mereka mungkin akan lebih menghargai peluang yang diberikan kepada mereka untuk mencuba program yang lain. Ini bermakna para pentadbir serta pendidik harus sentiasa berusaha memperingatkan pelajar-pelajar yang bermasalah ini khususnya pelajar yang sememangnya di bawah program A supaya tidak leka dengan apa yang ditawarkan kepada mereka, malah perlu lebih berusaha untuk terus maju dan berjaya pada masa hadapan. Sebagai satu usaha kawalan, maka langkah berjaga-jaga perlu diambil untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pelajar terutamanya di dalam konteks pembelajaran dan pencapaian akademik masing-masing.

RUMUSAN

Kajian ini sedikit sebanyak telah cuba meneroka profil pelajar yang kurang cemerlang dalam pencapaian akademik. Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat banyak faktor yang menyebabkan kemerosotan pelajar dalam bidang akademik masing-masing, malah ramai yang berpendapat bahawa faktor sikap dan disiplin diri, pendedahan, tradisi persekitaran serta perkara-perkara yang menarik tumpuan pelajar sebagai punca utama masalah kelemahan dalam pencapaian akademik mereka (Berita Harian, 2000). Trend ini mungkin akan berlanjutan jika suatu perubahan atau langkah yang komprehensif dan konkret tidak diambil. Oleh yang demikian, kajian lanjut adalah perlu untuk menyelidik faktor-faktor penyebab masalah pencapaian akademik di kalangan pelajar khususnya pelajar lelaki di peringkat IPT.

RUJUKAN

Manfaatkan prasarana ilmu di IPT. (2000, 2 Jun). Berita Harian, ms. 28.

Mohamad Khan, J. K. & Abdul Aziz, A. L. (2000). Pencapaian pelajar bumiputra di institusi pengajian tinggi. *National Conference on Taching and Learning in Higher education*, 9 – 10 Oktober, Kedah.

Robiah, S (1998). *Pemikiran dalam pendidikan*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd..

Laporan akademik pelajar oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.